

# BAB 4

## PENGURUSAN KARYA DAN PERJURIAN FESTIVAL FILEM DAN VIDEO PELAJAR MALAYSIA KE 7 (FFVPM7)

### PENGENALAN

Pada setiap tahun, tidak kurang 100 buah karya pelajar Malaysia dari Institusi Pengajian Tinggi Awam dan swasta diserahkan kepada para juri untuk dibuat penilaian. Serahan yang dibuat disertai dengan amanah. Pelajar, sama ada secara individu atau berkumpulan, bekerja keras mencari idea, meneroka idea dan menterjemahkan idea ke dalam bentuk audio dan visual dengan penuh tumpuan tenaga dan kreativiti untuk menghasilkan karya-karya yang mereka fikir terbaik. Para juri diamanahkan untuk membuat penilaian seadil-adilnya bagi memastikan keputusan dibuat dengan saksama. Penilaian karya seni tidak mudah diukur seperti membuat penilaian perkara lain seperti menilai kertas-kertas ujian atau peperiksaan. Ia banyak melibatkan rasa dan emosi di samping beberapa perkara lain yang sukar untuk dijelaskan secara kuantitatif sahaja.

Jumlah penyertaan selalunya banyak dan dalam berbagai genre, maka karya pelajar yang dihantar perlu diurus secara sistematik dan penuh tanggungjawab. Oleh itu, pengendalian karya ini dari peringkat awal diterima

hingga ke peringkat selesai penilaian dan pengumuman pemenangnya, memerlukan satu sistem pengurusan dibangunkan dan dilaksanakan dengan penuh amanah dan tanggungjawab. Setelah terlibat dalam lebih 30 aktiviti perjurian bagi pelbagai perkara dari filem hingga penilaian skrip, iklan dan sebagainya, Ketua Juri, Prof. Dr. Asiah Sarji menjelaskan bahawa beliau kerap berhadapan dengan keadaan sistem perjurian yang tidak begitu sistematik hingga perlu diperbaiki dan dicari jalan penyelesaian dalam masa perjurian berlangsung bagi memastikan keadilan dalam proses perjurian itu dapat dihasilkan.

Bab ini menjelaskan hasil kajian kes terhadap FFVM7, hubungan dengan aspek-aspek konsep dan kaedah perjurian, khususnya perjurian karya seni dan filem yang dilakukan di peringkat dalam dan luar negara. Hasil kajian mengenai sistem dan kaedah perjurian Festival Filem dan Video Pelajar ke 7 (FFVPM7) juga dipapar dan diulas.

## **PERJURIAN DAN PENGHAKIMAN**

Konsep juri dan hakim kerap digunakan secara silih berganti apabila proses perjurian berlangsung. Perjurian untuk memilih penerbitan radio dan TV terbaik di Radio dan TV Brunei misalnya kerap menggunakan istilah hakim atau juri hakim serentak dan konsep ini dibawa di Festival Filem Malaysia. Konsep hakim dalam undang-undang, khususnya yang menggunakan sistem mahkamah dan perundangan Inggeris ialah orang yang membuat pengadilan dan keputusan dalam sebarang perbicaraan.

Sementara di Amerika Syarikat pula, keputusan bagi sebarang bentuk perbicaraan di Mahkamah diputuskan oleh sekumpulan individu bebas yang dilantik dan tidak ada kaitan dengan kes yang dibicarakan untuk mendengar